



HAJI AWANG ASBOL BIN HAJI MAIL & ANDI SUWIRTA

Pendidikan Tradisional di Negara Brunei Darussalam: Perspektif Sejarah

RINGKASAN: Artikel ini, dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan sumber-sumber sejarah lisan dan tulisan, menunjukkan bahawa sebelum kemunculan sekolah Melayu, selaku satu sistem pendidikan formal, pendidikan tradisional masyarakat Brunei telah didominasi oleh pendidikan Islam. Pendidikan Islam, yang dikategorikan sebagai pendidikan bukan formal, telah wujud serentak dengan peng-Islam-an masyarakat Brunei. Pada ketika itu, rumah-rumah persendirian telah menjadi pusat pendidikan Islam. Bagaimanapun, apabila semakin ramai masyarakat Brunei memeluk agama Islam, rumah sebagai wadah pendidikan Islam sudah tidak mampu menampung para pelajar. Dari sinilah timbul pemikiran untuk menubuhkan balai sebagai pusat pendidikan Islam yang baru. Pendidikan Islam di balai, yang dilihat telah ada pada abad ke-19, banyak berjasa dalam melahirkan ramai ulama tempatan. Bagaimanapun, peranan balai telah pupus di persada kehidupan masyarakat Brunei pada tahun 1960-an. Hal ini berlaku akibat kemunculan Sekolah Agama penuh, yang bermula pada tahun 1956. Di samping itu, istana Sultan juga memainkan peranan sebagai pusat pendidikan pada awal kedatangan Islam ke Negara Brunei Darussalam. Kesan pendidikan istana ini, maka Sultan-sultan Brunei berikutnya terus mempertahankan akidah Islam dalam pentadbiran mereka. Sementara itu, apabila masjid dibina di Brunei, maka ia juga berperanan sebagai tempat menyalurkan pendidikan Islam. Dengan itu jelaslah bahawa pendidikan tradisional masyarakat Brunei yang didasari pendidikan Islam telah digerakkan melalui tiga tempat, iaitu rumah-rumah persendirian, balai, dan masjid.

KATA KUNCI: Pendidikan Tradisional; Rumah, Balai, dan Masjid; Peranan Istana Sultan; Perkembangan Islam di Brunei Darussalam.

ABSTRACT: "Traditional Education in Brunei Darussalam: Perspective of History". This article, by using qualitative methods with oral and written historical sources, shows that before the emergence of Malay schools, as a formal education system, the traditional education of the Brunei people has been dominated by Islamic education. The Islamic education, categorized as non-formal education, has coincided with the process of Islamization of Brunei Muslim community. At that time, private houses became the center of Islamic education. However, as more and more Brunei's people embrace Islam, homes as Islamic educational platforms are unable to accommodate the learners. From here the idea is to set up the hall as a new Islamic educational center. Islamic education at the hall, seen as being in the 19th century, has contributed much to the creation of many local scholars. However, the role of the hall has been extinct in the life of the Brunei community in 1960s. This has been the result of the emergence of a full Religious School, which began in 1956. In addition, the Sultan's palace also took a role as an education center at the beginning of Islam to Brunei Darussalam. The influence of this palace education, the subsequent Sultanates of Brunei continued to defend the Islamic faith in their administration. Meanwhile, when the mosque is built in Brunei, it also serves as a place to distribute Islamic education. It is clear that the traditional education of the Brunei-based Islamic education system has been moved through three places, namely: private houses, hall, and mosque.

KEY WORD: Traditional Education; House, Hall, and Mosque; Roles of Sultan Palace; Islamic Development in Brunei Darussalam.

About the Authors: Prof. Madya Dr. Haji Awang Asbol bin Haji Mail ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Sejarah dan Antarabangsa, Fakulti Sastera dan Sains Sosial UBD (Universiti Brunei Darussalam) di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Andi Suwirta, M.Hum. ialah Pensyarah Kanan di Jabatan Pendidikan Sejarah UPI (Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung, Jawa Barat, Indonesia. E-mail: asbolm@ubd.edu.bn dan suciandi@upi.edu

Suggested Citation: Mail, Haji Awang Asbol bin Haji & Andi Suwirta. (2018). "Pendidikan Tradisional di Negara Brunei Darussalam: Perspektif Sejarah" in ATIKAN: Jurnal Kajian Pendidikan, Volume 8(1), Juni, pp.11-26. Bandung, Indonesia: Minda Masagi Press, ISSN 2088-1290.

Article Timeline: Accepted (April 21, 2018); Revised (May 2, 2018); and Published (June 30, 2018).

PENDAHULUAN

Sebelum kemunculan sistem pendidikan umum secara formal, melalui penubuhan Sekolah Rendah Melayu yang diperkenalkan oleh pentadbiran Residen British pada tahun 1912-1914, pendidikan Islam merupakan sistem pendidikan yang mendominasi masyarakat Brunei ketika itu. Pada awalnya, pendidikan ini dilaksanakan dalam bentuk pendidikan bukan formal, yang kemudiannya mengalami perubahan menjadi satu pendidikan yang lebih formal dan teratur. Hal ini berlaku apabila kaedah pendidikan Barat, yang dibawa oleh British, telah mempengaruhinya (Rahman, 2001; Mail, 2006; dan Yahya & Sa'ari, 2015).

Pada umumnya, setiap individu sepanjang umurnya akan menghadapi tiga jenis proses pendidikan. *Pertama*, pendidikan tidak formal; *kedua*, pendidikan bukan formal; dan *ketiga*, pendidikan formal. Pendidikan tidak formal merupakan pendidikan yang diperolehi menerusi pengalaman, percakapan, pendengaran, dan pembacaan. Pendidikan bukan formal pula adalah segala bentuk kegiatan pendidikan yang teratur bagi sesuatu golongan berdasarkan keperluan mereka. Umpamanya, kelas agama di rumah, masjid, balai, kelas muzik, dan kursus dalam perkhidmatan. Manakala itu, pendidikan formal merupakan satu corak pendidikan yang diselenggarakan oleh kerajaan melalui Jabatan Pelajaran atau Kementerian Pendidikan, seperti sekolah rendah, menengah, maktab, dan universiti (Hussin, 1993; Rahman, 2001; Mail, 2006).

Begitu juga institusi pendidikan swasta boleh dianggap sebagai pendidikan formal, kerana dilaksanakan dengan sistem pentadbiran yang teratur dan undang-undang tertentu. Lagipun matlamat pendidikan swasta biasanya selari dengan dasar pendidikan negara (Rahman, 2001; Mail, 2006; dan Yahya & Sa'ari, 2015).

Pendidikan agama Islam ialah sistem pendidikan yang mengajarkan aspek-aspek berkaitan dengan keagamaan, seperti membaca *Al-Qur'an*; belajar hukum-hakam Islam, terutama dalam bentuk asas; ibadat; sejarah Islam; tauhid; dan adab. Tujuan utama pendidikan Islam adalah untuk melahirkan umat Islam yang bertakwa kepada Allah

SWT (*Subhanahu Wa-Ta'ala*) agar kehidupan mereka berbahagia, bukan sahaja di dunia dan bahkan yang lebih penting di alam akhirat nanti. Kebahagiaan di dunia boleh dicapai dengan wujudnya sifat-sifat takwa, apabila umat Islam mengamalkan ajaran Islam dalam kehidupan harian, selain perkara-perkara *fardhu 'ain*, mereka juga mesti bersatu-padu, tolong-menolong, jujur, ikhlas dan amanah (Mail, 2006; dan Kadir, 2010).

Menurut ajaran Islam, semua itu akan mendapat balasan pahala daripada Allah SWT, yang akan membawa umat Islam kepada Syurga. Bagi sebahagian golongan yang menentang adanya kehidupan akhirat setelah hidup di dunia, mereka beranggapan bahawa kepercayaan seperti itu adalah karut dan tidak boleh diterima oleh akal rasional manusia. Akan tetapi, bagi umat Islam, ia wajib dipercayai kerana telah dirakamkan dalam *Al-Qur'an* dan *Hadith* daripada Nabi Muhammad Rasulullah SAW atau *Salallahu Alaihi Wassalam* (Sabiq, 2006; Abdurrahman, 2010; dan Zakkiyunnuha, 2014).

Sementara itu, pendidikan umum bererti sistem formal yang mengajarkan mata-mata pelajaran tertentu, seperti matematik, sains, sejarah, geografi, perdagangan, dan sebagainya. Pendidikan seperti ini muncul di sekolah-sekolah Melayu, Inggeris, Cina, Misi, dan Vokasional. Sistem pengajaran dan pembelajarannya lebih kepada memberikan kemahiran dan pengetahuan agar memperolehi status kehidupan dunia yang lebih baik. Ia jarang dihubungkan dengan elemen-elemen keagamaan. Bagaimanapun, pendidikan seperti ini memang digalakkan oleh Islam kepada umatnya, malahan ia dianggap sebagai sebahagian daripada kegiatan ibadat dan hukumnya *fardhu kifayah* (Mail, 2006; Kadir, 2010; dan Hasbullah & Rahman, 2016).

Artikel ini mahukan mengkaji sejarah pendidikan di Negara Brunei Darussalam. Dengan mengguna-pakai kaedah penyelidikan sejarah dan kepustakaan yang bercorak kualitatif (Denzin & Lincoln, 1994; Creswell, 1998; Sjamsuddin, 2007; Zed, 2008; dan Khatibah, 2011), artikel ini mahukan mengupas: pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam; penyebaran agama Islam beserta

tokoh-tokohnya; peranan Istana; serta proses pendidikan Islam di rumah persendirian, mesjid, balai, dan sekolah. Perbincangan dilakukan berasaskan, sama ada kepada sumber-sumber tertulis mahupun lisan, seperti temubual contohnya (Creswell, 1998; dan Sjamsuddin, 2007; dan Rahman, 2016).

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Sebahagian pengkaji berpendapat bahawa pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam dipercayai sudah bermula serentak dengan proses Islamisasi ke atas masyarakat di negara ini (Brown, 1970; Umar, 1990; dan Besar, 2008). Fenomena ini tidak hanya berlaku di negara Brunei Darussalam, bahkan ia juga terjadi ke atas negeri-negeri lain di Alam Melayu, seperti di Indonesia, Tanah Melayu, Patani di Thailand Selatan, dan Sulu di Filipina Selatan (Al-Attas, 1984; Azra, 2006; dan Rahmawati, 2014). Menggunakan kaedah pendidikan adalah jalan terbaik dalam menyampaikan misi dakwah Islamiah ke atas penganutnya (Serudin, 1981:22; Hamid, 1986:170; Hussin, 1993:2; Wahid, 2006; dan Gulen, 2011).

Lantaran itu, dalam ajaran Islam mewajibkan umatnya untuk menuntut ilmu agama. Dengan mempunyai pengetahuan agama yang baik, barulah mereka boleh menjalankan kehidupan harian dengan lebih sempurna berlandaskan ajaran Islam. Dalam mencapai kehidupan yang demikian, ajaran Islam mempunyai garis panduan dan batasan tertentu yang perlu dipatuhi oleh umatnya. Ia ditandai oleh hukum-hukum yang berkaitan dengan hal-hal halal, haram, dan harus. Islam telah dikatakan berhasil memberikan nafas baru kepada tamadun Melayu, termasuk Brunei Darussalam secara holistik, daripada unsur-unsur kepercayaan hinggalah kepada perlakuan hidup dan daya cipta seni. Kedatangan Islam telah dianggap menandakan zaman baru dan permulaan zaman moden bagi bangsa Melayu (Al-Attas, 1984; Ricklefs, 1991; Suwirta, 2003; Azra, 2006; dan Rahmawati, 2014).

Pendidikan Islam dipercayai, pada peringkat awalnya, telah disampaikan oleh para mubaligh luar yang berkunjung ke Brunei. Mereka ini sama ada terdiri daripada mubaligh Arab, Parsi, atau India. Sebagai

contoh, Sharif Ali yang dikatakan berasal dari Taif berketurunan Rasulullah, kemudiannya menjadi Sultan Brunei ketiga, 1425-1432 Masihi. Beliau adalah di antara mubaligh awal yang memainkan peranan sebagai guru dalam menyampaikan pendidikan Islam kepada masyarakat Brunei. Malahan, beliau juga berperanan ke atas golongan istana. Hal ini boleh saja terjadi, kerana hubungan beliau dengan istana begitu akrab dan baik (Shaghir, 2007; dan Rahman, 2016).

Selain itu, terdapat lagi mubaligh luar, seperti Syed Alwi al-Faqeh, Syekh Adam (1437 Masihi), dan Syarif Hud (1499 Masihi), yang kubur mereka terdapat di Brunei. Mereka ini juga dipercayai selaku orang-orang yang berperanan menyampaikan pendidikan Islam kepada masyarakat Brunei pada zaman mereka. Sebagai contoh, Syed Alwi al-Faqeh, gelaran "al-Faqeh" itu sendiri menunjukkan beliau seorang mahir dalam ilmu fiqeh, satu cabang ilmu Islam yang penting dipelajari oleh setiap orang Islam. Oleh itu, beliau tergolong daripada guru agama yang berpengalaman luas dan mampu memberikan kefahaman yang baik semasa menyampaikan pengajaran terhadap masyarakat Brunei (Rahman, 1992; dan Yunus, 2012).

Sehingga kini, tarikh permulaan kedatangan Islam ke Brunei telah menjadi isu kontroversi dalam kalangan sarjana, samada tempatan mahupun pengkaji luar negeri. Sarjana tempatan berpandangan bahawa Islam sudah berkembang di Negara Brunei Darussalam sekitar abad kesepuluh hingga keempat belas. Pandangan ini berdasarkan sumber China dan batu nisan yang ditemui di negara Brunei Darussalam (Al-Sufri, 1990; Leake, 1990; Rahman, 1992; Othman, 2003; dan Ghofur, 2015).

Sementara itu pengkaji-pengkaji Barat, seperti K.G.P. Tregonning (1957); J.F. Cady (1963); N. Tarling (1966); dan D.G.E. Hall (1979) berpendapat bahawa Islam hanya berkembang pada kurun yang ke-16 di Brunei, selepas Melaka jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511 Masihi. Kejatuhan kesultanan Melaka telah menyebabkan kesultanan Brunei mengambil alih peranan Melaka sebagai pusat perkembangan Islam di sebelah timur kepulauan Melayu hingga

kepulauan Filipina (Tregonning, 1957:211; Cady, 1963:167; Tarling, 1966:44; dan Hall, 1979:263). Senario ini boleh dikesan apabila muncul pendakwah-pendakwah Islam dari negara Brunei Darussalam dikatakan bergiat aktif menyebarkan Islam di luar wilayah Brunei, seperti Balayan, Manila, Mindanao, dan Bubun. Sebahagian pendakwah Brunei pandai bercakap dan menulis Arab. Dengan sendirinya, mereka boleh dianggap bukan saja boleh membaca *Al-Qur'an* tetapi juga mentafsirkannya (Gordon & Tregonning, 1957; Rahman, 1992:138; dan Ghofur, 2015).

Peranan menyampaikan pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam, kemudiannya, disertai oleh ulama-ulama rantau Alam Melayu, di samping mubaligh dari Arab dan Parsi. Mereka dikenali sebagai *Tuan Guru*, *Kyai*, *Pehin Khatib*, dan *Sunan*. Kemunculan mereka terus berlaku sehingga abad ke-19, seperti Datu Imam Yakub yang berasal dari Sulawesi dan Datu Ahmad bin Haji Abdul Latif yang berasal dari Banjarmasin, Kalimantan Selatan, Indonesia (Azra, 2005; Siddiqi, 2005; dan Ghofur, 2015).

Peranan ini kemudian juga disertai oleh anak-anak tempatan, apabila mereka sudah memiliki ilmu agama yang tinggi. Ilmu yang diperolehi oleh anak-anak tempatan bukan saja didapati daripada mubaligh luar yang datang ke negeri Brunei, tetapi juga ada di antara mereka yang merantau dan menuntut ilmu ke seberang laut, bahkan sampai ke Makkah. Mereka mengajarkan kepada masyarakat tempatan, seperti ilmu *Fardu Ain*, perkara asas dan mudah difahami, seperti rukun Islam, rukun iman, hari-hari kebesaran Islam, dan pengajaran membaca *Al-Qur'an* (Serudin, 1981:22; Othman, 2003:284; dan Mail, 2007).

Aktiviti pendidikan Islam pada awalnya berpusat di rumah-rumah persendirian. Bagaimanapun, istana juga berperanan sama apabila Awang Alak Betatar memeluk Islam pada tahun 1368 Masihi, yang kemudian dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah (1363-1402 Masihi). Hal ini mungkin saja dilakukan oleh Sharif Ali, apabila beliau berkunjung ke Brunei. Beliau mempunyai hubungan yang mesra dengan istana, seperti yang dijelaskan sebelum ini, sehingga akhirnya

beliau berkahwin dengan puteri keluarga Diraja Brunei (Mail, 2007).

Lantaran beliau mempunyai keperibadian yang mulia, Sharif Ali telah diangkat menjadi Sultan Brunei ketiga dan memerintah antara 1425 hingga 1432 Masihi. Bagindalah yang dikatakan mengeraskan syariat Rasulullah, yang telah memperteguhkan dan mengukuhkan akidah Islam masyarakat Brunei pada ketika itu. Kesan-kesan pengaruh Islam yang kuat, hasil tarbiyah Sultan Sharif Ali ini terus dikuti oleh anakanda, baginda Sultan Sulaiman (1432-1485 Masihi) apabila baginda terus memperkukuhkan pegangan Islam pada masyarakat Brunei ketika itu (Gordon & Tregonning, 1957; *Brunei Annual Report*, 1963:218; dan Mail, 2007).

Peranan istana sebagai pusat pendidikan Islam semakin jelas pada abad ke-16, apabila misi-misi Kristian yang datang bersama-sama angkatan tentera Sepanyol telah melihat dengan mata kepala sendiri. Mereka telah menyaksikan bagaimana kesan ajaran Islam yang dimainkan oleh ulama selaku kelompok elit ugama di istana Sultan. Ulama-ulama bukan saja berperanan sebagai guru agama kepada golongan istana, tetapi juga mempunyai tugas penting dalam pentadbiran negara untuk mengembangkan Islam. Maknanya, mereka punya pengaruh besar ke atas pentadbiran negara, terutama dalam hal ehwal keagamaan (KHEU Brunei, 1996:43-44; Othman, 2003:285; Besar, 2008; dan Yulizal, 2009).

Oleh sebab orang yang memeluk agama Islam semakin bertambah, ini bererti semakin ramai yang ingin menuntut ilmu agama, yang mana rumah-rumah persendirian sebagai pusat kegiatan pendidikan Islam sudah tidak sesuai lagi, maka perlunya dibukalah tempat-tempat baru seperti di masjid dan balai. Masjid sebagai wadah kegiatan menyampaikan pendidikan agama, di samping untuk menunaikan sembahyang fardhu Jumaat, telah wujud di zaman pemerintahan Sultan Sharif Ali. Hal ini berlaku kerana baginda telah mengambil langkah mendirikan tempat ibadat tersebut (Mail, 2007). Semasa pemerintahan Sultan Saiful Rijal (1533-1581 Masihi), orang-orang Sepanyol telah melaporkan bahawa di Bandar Brunei terdapat sebuah masjid besar. Dalam laporan itu dinyatakan, seperti berikut:

Bandar Brunei mempunyai sebuah masjid yang sungguh indah, amat besar, dan seluruh bangunannya dipenuhi dengan ukiran-ukiran serta dicat dengan warna keemasan. Tingginya lima tingkat dan dibina dari kayu hitam (dalam Juned, 1992:xlx).

Oleh sebab saiz masjid begitu besar, maka ia bukan saja berperanan tempat menunaikan sembahyang berjemaah, bahkan salah satu fungsinya ialah sebagai wadah pendidikan agama kepada penduduk Bandar Brunei pada ketika itu. Manakala, pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad Hassan (1582-1598 Masihi), mubaligh-mubaligh Islam dari Brunei aktif menjalankan dakwah di Sulu, Cuyo, Keramian, dan Mindanao. Sebagai contoh, di Mindanao, pendakwah Brunei bersama penduduk Islam di sana telah membina masjid dan sekolah agama (Majul, 1990; Juned, 1992; Mail, 2007; dan Saifullah, 2008).

Ini menunjukkan bahawa masjid dan juga sekolah agama telah menjadi pusat kegiatan pendidikan Islam. Peranan masjid dalam memberikan didikan agama kepada masyarakat Islam Brunei memang terus berlaku hingga kini. Ia boleh dikatakan sebagai pendidikan Islam tradisional yang masih diwarisi secara turun-temurun bagi masyarakat Islam di Negara Brunei Darussalam. Kebanyakan masjid di Negara Brunei Darussalam dibina dan ditadbir oleh kerajaan. Memang ada masjid yang dibangunkan oleh orang-orang kampung atau orang persendirian, namun akhirnya ia diambil alih oleh kerajaan. Dengan yang demikian, semua kaki-tangan masjid di iktiraf sebagai pegawai kerajaan (Al-Sufri, 1992; Mail, 2007; dan Rahman, 2016).

Selepas tahun 1990-an, kebanyakan masjid di Negara Brunei Darussalam telah dibina dengan bahan konkrit. Ia juga dilengkapi penghawa dingin dan bilik perpustakaan. Kemudahan seperti itu sudah tentu memberikan keselesaan kepada jemaah dan juga dalam menyalurkan pendidikan Islam (Mail, 2007; dan Zain *et al.*, 2014).

Di samping masjid, balai juga berperanan sebagai pusat pendidikan Islam bagi masyarakat Brunei. Terdapat empat makna balai menurut masyarakat Melayu Brunei. *Pertama*, balai sebagai tempat menyimpan

peralatan menangkap ikan, seperti balat, tugu, jala, pukot, dan lukah. Fungsinya sama seperti stor. *Kedua*, balai sebagai tempat kegiatan perusahaan atau pekerjaan, seperti menjalin balat, bertukang perahu (memburis), dan perusahaan kayu bertampik untuk kegunaan memasak. *Ketiga*, balai sebagai tempat belajar seni silat atau seni mempertahankan diri. *Keempat*, balai sebagai tempat belajar dan kegiatan keagamaan (Mail, 2007; Yunus, 2012; dan Yahya & Sa'ari, 2015).

Balai seperti yang disebutkan hujung itu, pada kebiasaannya, dimiliki oleh ulama-ulama dalam kalangan Manteri-manteri Agama, orang persendirian yang mempunyai kebolehan dalam bidang agama, dan juga orang-orang kampung. Oleh itu, pengertian keempat "balai" akan digunakan dalam pembicaraan ini.

Sungguhpun pendidikan agama diadakan di masjid dan balai, namun aktiviti mengajar pendidikan Islam di rumah-rumah persendirian masih diteruskan di Negara Brunei Darussalam. Bahkan ia berlaku hingga kini. Pendidikan agama di rumah oleh ulama boleh dikesan pada abad ke-19, apabila Dato Ahmad bin Haji Abdul Latif, seorang ulama berasal dari Banjarmasin, Kalimantan Selatan, Indonesia, berkunjung ke Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Momin, 1852-1885 Masihi. Beliau tinggal di Kampong Burung Pingai, salah sebuah kampung di Kampong Ayer. Setelah penduduk kampung ini tahu bahawa Dato Ahmad bin Haji Abdul Latif merupakan seorang yang berpengetahuan tinggi dalam bidang agama, maka mereka pun berduyun-duyun datang untuk menuntut dengan beliau.¹

Dato Ahmad bin Haji Abdul Latif telah menjadikan rumah beliau sebagai pusat kegiatan pendidikan Islam. Kemasyhuran beliau sebagai tenaga pengajar dalam bidang agama telah terdengar ke kampung-kampung lain di sekitar Kampong Ayer. Ini telah menarik minat lebih ramai orang untuk belajar agama dengan beliau. Oleh sebab Dato Ahmad bin Haji Abdul Latif dilihat sebagai seorang

¹Temubual dengan Haji Kassim bin Serudin, berumur 82 tahun. Temubual diadakan di rumah beliau di Kampong Setia "B", salah sebuah Kampung Ayer di Brunei Darussalam, pada 25 Mei 1988.

yang alim, maka Sultan Abdul Momin telah berkenan untuk melantik beliau sebagai Pegawai Perkembangan Agama Islam di Brunei (Metali, 1988; dan Mail, 2007).

Selain Dato Ahmad bin Haji Abdul Latif menjadikan rumah beliau sebagai pusat aktiviti pendidikan Islam, hal yang sama juga telah dilakukan oleh seorang ulama tempatan, iaitu Tuan Imam Abdul Rahman bin Awang Mat Serudin (1872-1945 Masihi) di Kampong Bukit Salat. Selain para ulama menggunakan rumah mereka sebagai pusat pendidikan Islam, orang-orang persendirian juga ada yang menjadikan rumah mereka sebagai tempat belajar membaca *Al-Qur'an* dan zikir (Latif, 2006; Mail, 2007; dan Mohamad, 2018).

Sebagai contoh, pada tahun 1930-an, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Haji Mohd Yusof belajar mengaji dan zikir di rumah dengan bapa beliau sendiri.² Begitu juga Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal, beliau belajar mengaji di rumah Ketua Kampung, Haji Kahan bin Serail, tiap-tiap malam.³

Oleh sebab semakin ramai yang belajar di rumah-rumah ulama-ulama Brunei, maka rumah sebagai pusat kegiatan pendidikan Islam semakin tidak selesa, kerana ruang rumah semakin sesak. Oleh itu, tempat baru diperlukan bagi menampung keramaian pelajar. Maka ada di antara mereka telah mengambil langkah membangunkan tempat khas untuk mengajarkan ilmu-ilmu Islam kepada pelajarinya, yang dikenali sebagai balai. Hal ini pernah dilakukan oleh Pehin Khatib Muhammad bin Hassan (1860-1941 Masihi), apabila rumah beliau di Kampong Lurong Sikuna, yang menjadi pusat kegiatan pendidikan Islam, sudah tidak mampu lagi menampung pelajarinya yang semakin ramai. Akhirnya, untuk mengatasi masalah ini, beliau telah membina sebuah balai (Mail, 2007; dan Besar, 2008).

²Temubual dengan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, berusia 89 tahun. Temubual diadakan di rumah beliau di Kampong Sengkarai, Tutong, Negara Brunei Darussalam, pada 12 Julai 2012.

³Temubual dengan Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal. Temubual diadakan di Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 8 September 1993.

Balai biasanya dibangunkan berdekatan dengan rumah pemiliknya. Namun, ada juga balai yang dibina bersambung dengan rumah pemiliknya. Semasa pembinaan balai ini sudah tentu mendapat kerjasama erat, bukan sahaja daripada para pelajar bahkan juga daripada orang-orang kampung. Masyarakat Brunei memang terkenal dengan sikap tidak “camah mata” dan bersedia untuk memucang-mucang dalam membuat perkara-perkara yang memerlukan bantuan ramai, seperti membina balai. Mereka akan memberikan bantuan dan pertolongan secara percuma dan sukarela. Balai-balai ini pada kebiasaannya boleh memuat antara 20 hingga 30 orang, namun bagi balai lebih besar boleh memuat antara 60 hingga 70 orang (Mail, 2007; Yunus, 2012; dan Yahya & Sa'ari, 2015).⁴

Bagaimanapun, tidak semua Pehin-pehin Manteri-manteri Agama yang mempunyai balai membina dengan perbelanjaan sendiri, bahkan ada juga di antara mereka memiliki balai yang didirikan oleh pihak kerajaan. Hal ini berlaku jika ia berkaitan dengan tugas dan tanggung jawab yang diamanahkan oleh kerajaan kepadanya. Sebagai contoh, Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hassanudin (1879-1939 Masihi) merupakan ulama yang mempunyai dua buah balai, yang dibangunkan oleh pihak kerajaan. Sebuah digunakan sebagai pusat mengajar agama dan sembahyang berjemaah. Manakala sebuah lagi sebagai pejabat Kadi. Hal ini memang bersesuaian, kerana beliau memegang jawatan Kadi yang dilantik oleh kerajaan pada masa itu. Selain berfungsi sebagai pejabat Kadi, balai ini juga peranan sebagai Mahkamah untuk membicarakan sebarang kes-kes jenayah, yang biasanya berkaitan dengan hal-hal perkahwinan (Ahmad, 1989:24; dan Mail, 2007).⁵

Ada juga pemilik balai menggunakan sebagai pejabat Ketua Kampung. Contohnya, Pehin Orang Kaya Perdana Wangsa Haji Muhammad mempunyai balai yang besar di Kampong Peramu. Oleh sebab beliau ialah Ketua Kampung, maka balai ini telah

⁴Lihat juga, contohnya, temu bual dengan Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, berusia 73 tahun. Temubual diadakan di Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 14 September 1993.

⁵Temubual *ibidem* dengan nota kaki 4.

menjadi pejabat dan pusat pentadbiran dalam mengurus dengan anak buah kampung (Mail, 2007; Yunus, 2012; dan Yahya & Sa'ari, 2015).⁶ Lain-lain Pehin-pehin Manteri Agama yang mempunyai balai ialah Pehin Datu Imam Abu Bakar bin Abdul Rahman (1880-1937 Masihi) di Kampong Kianggeh, Bandar Brunei (Angas, Hassan & Ibrahim, 1992:21, 28 dan 50; dan Mail, 2007). Pehin Dato Imam Haji Mokti bin Haji Nasar (1864-1946 Masihi) di Kampong Burung Pingai; Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah dan Pehin Khatib Sulaiman di Kampong Saba; serta Khatib Saad bin Juru Apong di Kampong Pandai Besi dan Pehin Khatib Abdul Razak bin Abdul Rahman Sambas, 1875-1943 Masihi (Mail, 2007).⁷

Pelajar balai tidak hanya terhad dalam kalangan penduduk Kampong Air, bahkan ada yang datang dari jauh. Sebagai contoh, Pehin Khatib Abdul Razak mempunyai pelajar yang datang dari Sabah dan Sarawak di Malaysia. Pada lazimnya, pelajar luar ini akan tinggal di rumah Pehin. Mereka akan menjadi pembantu beliau untuk mengambil air, menampik (membelah) kayu api, dan mengayuhkan beliau bila pergi ke padian untuk membeli ikan atau barang-barang keperluan harian (Ahmad, 1989:24; Angas, Hassan & Ibrahim, 1992:18 dan 40; dan Mail, 2007).

Institusi pendidikan balai tidak hanya wujud di Kampong Ayer di kawasan kerajaan pusat kesultanan Melayu Brunei, tetapi juga di kawasan-kawasan darat. Hal ini telah dijelaskan oleh Dato Seri Setia Ustaz Haji Mohd Amin bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, yang mengatakan bahawa pada 1940-an dan awal 1950-an, di kampung beliau iaitu Kampong Puni, Daerah Temburong, terdapat sebuah balai yang didirikan oleh orang kampung. Di sinilah kegiatan keagamaan diadakan, seperti sembahyang berjema'ah Maghrib dan Isya. Antara kedua waktu ini, beliau bersama rakan-rakan belajar bacaan *Al-Qur'an* dan kadang-kadang mendengar cerita tentang pahlawan-pahlawan Islam. Menurut beliau lagi, balai ini

⁶Temubual *ibidem* dengan nota kaki 4.

⁷Lihat juga, contohnya, temubual Mohd Jamil bin Haji Abas dengan Yang Dimuliakan Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof. Temubual diadakan di Masjid Omar Ali Saituddin, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 5 Februari 1991.

sentiasa dipenuhi oleh penduduk kampung.⁸

Pendidikan balai jelas telah memberikan sumbangan yang besar dalam meningkatkan penyebaran ajaran Islam dan melahirkan ulama-ulama di Negara Brunei Darussalam, sebelum tertubuhnya pendidikan formal (Angas, Hassan & Ibrahim, 1992:7, 9 dan 59-61; dan Mail, 2007).⁹ Ia berperanan seperti mana "pondok" di Tanah Melayu dan "Pesantren" di Indonesia, khususnya di pulau Jawa (Othman, 2003:285; Mupiza, 2017; dan Haripa, 2018).

Ada pengkaji berpendapat bahawa sistem pengajian balai baru wujud dalam 1920-an, namun pandangan ini ternyata kurang tepat, bahkan institusi pendidikan seumpama ini memang sudah ada dalam abad ke-19, atau mungkin lebih awal dari itu (Ibrahim, 2003:11; dan Mail, 2007). Hal ini terbukti apabila ulama-ulama Brunei yang hidup pada akhir abad ke-19 sudah mempunyai balai untuk menyampaikan ilmu agama kepada pelajar-pelajar mereka, seperti dijelaskan di atas. Sementara itu, ada pula pengkaji percaya bahawa sistem pendidikan balai telah diasaskan di Kampong Burung Pingai. Kemudian sistem ini diikuti oleh kampung-kampung lain, seperti Kampong Peramu, Kampong Sungai Kedayan, Kampong Lorong Sikuna, dan Kampong Saba (Ibrahim, 1982:75; dan Mail, 2007).

Pengajian institusi balai ini boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu pengajian umum dan pengajian lanjutan. Pengajian umum mengandungi pelajaran Zikir Brunei, Ratib Saman, mengaji *Al-Qur'an*, dan *Hadrah*. Di samping itu, pelajaran ibadat sembahyang juga diajarkan, kerana ia merupakan perkara wajib kepada umat Islam. Pelajar yang mengikuti pengajian umum ini tidak semestinya mereka yang boleh menulis dan membaca Jawi. Pengajaran disampaikan dengan cara duduk di lantai, tanpa ada kerusi.

⁸Temubual dengan Yang Mulia Dato Seri Setia Ustaz Haji Mohd Amin bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, berusia, 70 tahun. Temubual diadakan di Pusat Dakwah Islamiah Brunei di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 6-7 Oktober 1993.

⁹Ulama-ulama Brunei tidak semestinya berjawatan Pehin Manteri Agama, ada juga di kalangan mereka terdiri dari golongan Pengiran. Sebagai contoh, ulama di kalangan Pengiran ialah Maulana Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Sabtu. Dikatakan bahawa beliau pernah menuntut ilmu agama di Mekah sekitar 1800-1820. Beliau juga mempunyai ramai pelajar di sekitar Kampong Ayer. Maulana Pengiran Haji Abdul Momin bin Pengiran Sabtu telah meninggal dunia kira-kira pada 1880.

Ulama selaku guru akan duduk di siring atau di tepi, manakala para pelajar akan duduk mengelilinginya (Mail, 2007; Yunus, 2012; dan Yahya & Sa'ari, 2015).

Mana-mana pelajar yang berkemampuan menulis akan diberikan kertas untuk menulis dan mencatat nota yang diajarkan. Ini akan memudahkan pelajar untuk mengingat dan mengulangkaji pelajaran setelah balik ke rumah. Setelah itu, guru akan menyampaikan pengajarannya secara kuliah atau syarahan berpandukan kitab tertentu. Para pelajar akan mendengarkan kuliah ini. Pelajaran diadakan setiap hari, bermula pada waktu pagi. Tempoh belajar tidak ditentukan. Pada lazimnya, pelajar akan minta diri daripada gurunya setelah merasa penat. Selepas sembahyang Zohor diadakan pula pelajaran membaca *Al-Qur'an* (Ahmad, 1989:25; Mail, 2007; Yunus, 2012; dan Yahya & Sa'ari, 2015).

Belajar membaca *Al-Qur'an* di balai ini pernah dialami oleh Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Seri Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim. Beliau bersama rakannya, Haji Aji bin Jamuddin, dan bapa saudaranya, Awang Yahya bin Damit, belajar di balai Begawan Pehin Tuan Imam. Mereka belajar mulai daripada alif-alif atau *mukaddam* sampai *Al-Qur'an*. Majlis khatam *Al-Qur'an* akan diadakan di balai ini bagi pelajar-pelajar yang berjaya menamatkan pelajaran 30 juz *Al-Qur'an*. Semasa majlis ini diadakan, balai akan penuh dengan orang ramai, kerana apabila anak-anak berhasil mengkhataamkan *Al-Qur'an*, ia satu perkara yang amat membanggakan para ibu bapa.¹⁰

Selain menggunakan kaedah kuliah dalam menyampaikan pengajaran agama, terdapat juga kaedah lain. Umpamanya, dalam mempelajari *Sifat 20 yang Wajib dan Mustahil bagi Allah SWT (Subhanahu Wa-Ta'ala)*, sesetengah guru agama menggunakan kulit "siput" atau "tekuyung". Ia bertujuan memudahkan para pelajar mengingat dan menghafal sifat-sifat tersebut. Manakala itu, dalam memudahkan mempelajari Rukun Islam dan Rukun Iman pula, ada juga guru-

guru menggunakan kaedah nyanyian. Kaedah ini boleh dikatakan lebih berkesan untuk mengingatnya dan memahami pelajar, di samping menghilangkan rasa bosan dan mengantuk. Kaedah ini pernah digunakan oleh Pehin Siraja Khatib Haji Abu Hanifah semasa mengajar pelajarannya (Bakar, 2008:11; dan Mail, 2007).

Manakala pengajian lanjutan menghendaki pelajar yang boleh menulis dan membaca Jawi. Menguasai kedua-dua perkara ini adalah mustahak kepada pelajar, kerana pada akhirnya mereka boleh diiktiraf untuk menjalankan tugas-tugas, seperti menjadi Kadi, Juru Nikah, dan Guru Agama. Oleh sebab itu, ternyata pelajaran yang diajarkan lebih banyak dan mendalam berbanding dengan pengajian umum. Mereka mempelajari Ilmu Fiqh, Faraidh, Babun Nikah, Nahu dan Qawaid, Tasawuf, serta Akhlak (KHEU Brunei, 1996:45-46; dan Mail, 2007).

Dalam pengajian balai ini, kitab-kitab rujukan yang diguna-pakai sama seperti yang digunakan di pusat-pusat pengajian agama di Alam Melayu yang lain, umpamanya *Matla' Badrin*, *Sabilul Muhtadin*, *Flint' Masail*, *Bughyah al-Titllab*, *Hidayah al-Salikin*, serta *Siar al-Salikin* (Zarkasyi, 1998; Othman, 2003:286; dan Mochtar, 2010). Kitab *Sabilul Muhtadin*, yang ditulis oleh seorang ulama dari Palembang, Sumatera Selatan, Indonesia, pernah digunakan oleh Pehin Datu Imam Haji Mokti, Pehin Siraja Khatib Abdul Razak, dan Pehin Khatib Besar semasa mereka mengajar di balai masing-masing. Kitab ini digunakan kerana gaya bahasanya lebih mudah dan senang difahami berbanding dengan kitab *Matla' Badrin* (Ahmad, 1989:11; dan Mochtar, 2010).

Institusi pendidikan agama di balai sama sekali tidak bermatlamat kebendaan atau kewangan. Ulama-ulama sebagai guru agama tidak mengharapkan sebarang ganjaran daripada pelajarannya. Semua itu terpulang kepada mereka, sama ada mahu memberikan sumbangan atau tidak. Bagaimanapun, sumbangan yang diberikan tidak semestinya sampai membebaskan para pelajar, tetapi boleh dibuat secara sukarela atau seangkat-angkat hati. Ini menunjukkan bahawa para ulama yang mengajar ilmu agama benar-benar berkhidmat kerana Allah, bukan

¹⁰Temubual dengan Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, berusia 73 tahun. Temubual diadakan di Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 14 September 1993.

kerana tujuan lain seperti ganjaran, sama ada kebendaan mahupun pangkat (Zarkasyi, 1998; dan Mail, 2007).

Balai-balai juga berfungsi bagi melakukan aktiviti-aktiviti keagamaan yang lain. Pada 1940-an, di bulan Ramadhan, balai dijadikan tempat majlis bertadarus oleh pemiliknya. Majlis bertadarus adalah satu majlis membaca *Al-Qur'an* secara beramai-ramai. Pembacaan dilakukan secara bergilir-gilir dalam kalangan hadirin. Ia satu amalan tambahan umat Islam, yang biasanya dilakukan pada bulan Ramadhan. Dalam ajaran Islam, mana-mana masyarakat Islam yang banyak beramal di bulan Ramadhan akan mendapat ganjaran pahala yang berganda berbanding dengan bulan-bulan lain. Maka jelaslah majlis bertadarus itu tidak cuma diadakan di rumah-rumah persendirian, malah di surau-surau dan masjid-masjid (Ahmad, 1989; Mail, 2007; Yunus, 2012; dan Yahya & Sa'ari, 2015).

Masyarakat Islam yang tinggal berhampiran balai digalakkan oleh Pehin-pehin Manteri Agama, selaku pemilik balai, untuk datang meramaikan majlis bertadarus, yang biasanya bermula kira-kira pukul lima petang hingga menjelang waktu Maghrib atau waktu bersungkai. Kadang-kadang majlis tadarus diadakan selepas sembahyang fardhu Zohor dan selepas sembahyang Tarawih. Bagi jamuan majlis biasanya beberapa orang yang menyertai tadarus akan membawa sedikit semacam juadah masing-masing atau sedekah daripada masyarakat Islam yang tinggal di sekitar balai (Mail, 2007; Yunus, 2012; dan Yahya & Sa'ari, 2015).

Bersedekah, seperti kuih-muih, merupakan amalan yang sering dilakukan oleh masyarakat Islam Brunei, kerana mereka menyedari bahawa dalam ajaran Islam, bersedekah pada bulan Ramadhan mempunyai ganjaran pahala yang besar.¹¹ Bagi majlis bertadarus diadakan selepas sembahyang Tarawih. Untuk jamuan di akhir majlis diperolehi daripada ikan yang ditangkap dengan cara "kabat pada lintau" waktu malam itu juga. Ikan yang diperolehi biasanya ikan sembilang, kerana ikan ini

¹¹Temubual dengan Yang Mulia Dayang Hajah Ismah binti Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mohd Said, berusia 58 tahun. Temubual diadakan di No.83 Simpang 625, Kampong Madewa, BF 1120, Km 7, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam, pada 24 Mei 1993.

masuk pada waktu malam untuk makan udang yang berada dalam lintau (DBP, 2003:1628; dan Mail, 2007).¹²

Adakalanya, balai ini juga digunakan sebagai tempat mengadakan majlis bertahlil, yang biasanya diadakan setahun sekali, terutama di bulan Syaaban sebelum menjelang Ramadhan (Ibrahim, 2003:11; dan Mail, 2007). Menurut Mahmud Saedon Othman (1996), sistem pendidikan balai yang ada di Brunei telah memberikan sumbangan yang besar pada melahirkan ulama-ulama tempatan, yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang ilmu fiqh dalam bahasa Melayu berdasarkan mazhab Syafiee (Othman, 1996). Tradisi pendidikan dan keilmuan juga adalah sama seperti tradisi di negeri-negeri Alam Melayu yang lain. Hal ini terbukti apabila Pehin Khatib Abdul Razak telah berjaya mengasuh dan melahirkan ulama-ulama Brunei, seperti Pehin Khatib Makmun, Pehin Khatib Dollah, Pehin Khatib Emran, Pehin Katib Besar, dan Mudim Yahya (Ahmad, 1989:24; Othman, 1996; dan Mail, 2007).

Ada pula di antara bekas pelajar balai mencapai taraf Wazir, seperti mana yang berlaku kepada Pengiran Digadong Pengiran Haji Mohd Salleh bin Pengiran Anak Haji Mohammad (1890-1969). Disebabkan beliau mempunyai pengetahuan agama yang baik, maka beliau dilantik untuk memegang jawatan penting dalam pentadbiran agama kerajaan Brunei. Pada tahun 1940, beliau pernah dilantik sebagai Kadi Besar; tahun 1948, beliau dilantik menjadi Majlis Jemaah Penasihat Syariah; beliau menjadi ahli Majlis Agama Islam pada tahun 1955; dan beliau menjadi Penasihat Agama dari tahun 1959 hingga 1968 (Ahmad, 1989:24; Angas, Hassan & Ibrahim, 1992:7, 9 dan 59-61; dan Mail, 2007). Ulama-ulama keluaran institusi pendidikan balai inilah sebagai generasi penerus dalam mengajarkan dan menyebarkan pendidikan Islam ke atas

¹²Mengikuti *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*, yang diselenggara oleh DBP (Dewan Bahasa dan Pustaka), *lintau* adalah sejenis alat menangkap ikan yang dibuat daripada buluh dan bentuknya seperti kelong. Bagaimanapun, *lintau* dipasang dalam kawasan sungai, tidak seperti kelong di tengah laut atau di kuala-kuala sungai (DBP, 2003:1628). Lihat juga, seterusnya, Temubual dengan Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Seri Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim. Temubual dilakukan di rumah beliau, No.164-D, Kampong Setia "B", Negara Brunei Darussalam, pada 10 Januari 2005.

masyarakat Negara Brunei Darussalam, sebelum tertubuhnya pendidikan formal (Mail, 2007; dan Besar, 2008).

Bagaimanapun, sumbangan balai sebagai media penyebaran ilmu agama boleh dikatakan belum menyeluruh ke atas masyarakat Islam di Kampong Ayer. Institusi pengajian balai hanya membenarkan kaum lelaki sahaja. Kaum wanita tidak dibenarkan hadir ke balai, kerana ibu bapa melarang mereka bergaul bebas dengan anak-anak lelaki. Oleh itu, golongan wanita boleh dikatakan tertinggal dalam mendapatkan ilmu agama. Kelompok wanita yang pandai mengaji dan ilmu agama hanya belajar di rumah-rumah persendirian, yang jauh daripada pergaulan dengan kaum lelaki (Ibrahim, 2000:30-31; Mail, 2007; dan Basri, 2012).

Bagaimanapun, pada 1930-an, terdapat guru-guru wanita yang giat mengajar bacaan *Al-Qur'an* kepada kanak-kanak di Kampong Ayer. Pengiran Rokam merupakan guru mengaji *Al-Qur'an* di Kampong Kianggeh. Beliau pergi ke rumah-rumah untuk mengajar anak-anak perempuan. Dayang Hamidah pula menjadi guru *Al-Qur'an* di sekitar Kampong Burong Pingai dan Kampong Lorong Dalam. Manakala Dayang Fatimah menumpukan khidmatnya di Kampong Saba (Mail, 2007; Bakar, 2008:6; Abdullah, 2013; dan Yusuf, 2017).

Dalam pada itu, tidak semua kaum lelaki dewasa Kampong Ayer, yang menghadiri kegiatan pendidikan agama di balai-balai, cuma mereka yang benar-benar berminat sahaja yang mahu mengikutinya. Lagipun pada ketika itu tidak ada satu peraturan yang menghendaki untuk masyarakat Islam supaya belajar ilmu agama di balai-balai; dalam makna yang lain, ia dilakukan secara sukarela dan tiada paksaan. Dalam pada itu, pendidikan balai lebih tertumpu di kawasan Kampong Ayer, walaupun balai ada di kawasan darat tetapi jumlahnya terlalu minima (Ahmad, 1989; Mail, 2007; Yunus, 2012; dan Yahya & Sa'ari, 2015).

Dengan keadaan ini, penduduk kawasan darat agak tertinggal dengan pendidikan agama yang dikembang oleh institusi balai. Peranan balai sebagai institusi pendidikan Islam secara beransur-ansur mengalami kemerosotan dan seterusnya pupus apabila generasi penerus tidak ada, terutama dalam kalangan waris-waris

pemilik balai. Kemunculan pendidikan agama Islam diajarkan di sekolah-sekolah, terutama sekali apabila muncul Sekolah Agama Rendah pada 1956, juga boleh dikatakan menyumbang kepada kemalapan pendidikan balai. Sistem pendidikan balai dikatakan telah pupus pada tahun 1960-an (*Brunei Annual Report*, 1963; dan Mail, 2007).

Apabila kuasa British bertapak di Brunei, terutama sekali setelah kemunculan sistem pentadbiran Residen British pada 1906 Masihi, ianya tidak cuma mempengaruhi sistem politik, pentadbiran, ekonomi, dan undang-undang, malahan juga secara langsung mempengaruhi sistem pendidikan Brunei (Maxwell & Gibson, 1924:149-150; Mail, 2007; dan Robin & Puyok, 2016). British telah memperkenalkan sistem pendidikan umum berbentuk formal kepada masyarakat Brunei apabila sekolah Melayu pertama ditubuhkan pada tahun 1914 di Jalan Pemancha, Pekan Brunei. Mulai saat itu wujudlah dua bentuk sistem pendidikan di Brunei pada abad ke-20, iaitu sistem pendidikan agama Islam dan umum (SoB, 1914:5; dan Mail, 2007).

Sungguhpun persekolahan Melayu sudah ditubuhkan, namun pendidikan agama Islam belum mendapat tempat dalam jadual waktu belajar di sekolah tersebut. Sementara itu, rancangan hendak mendirikan bangunan sekolah agama yang khas memang belum terlintas dalam pemikiran pemerintah pada masa itu. Hal ini berlaku kerana pentadbir British, pada ketika itu, kurang mengambil berat tentang pendidikan agama, memandangkan mereka memikirkan pendidikan seperti itu kurang memberikan sumbangan kepada pembangunan ekonomi Brunei. Tidak seperti sekolah Melayu, yang mana pelajar dari sekolah ini boleh diambil berkhidmat sebagai pegawai rendah dalam menggerakkan jentera pentadbiran kerajaan pada ketika itu. Lagipun, mungkin mereka beranggapan bahawa pendidikan Islam termasuk dalam bidang agama, yang mereka tidak boleh campur tangan menurut Perjanjian Persahabatan 1906 (Mail, 2007; dan Abdullah, 2013).

Dalam pada itu, masyarakat Islam Brunei kelihatannya masih merasa selesai mempelajari ajaran Islam secara tradisional, yang dilakukan

di rumah-rumah persendirian, balai, surau, dan masjid. Tambahan pula, masyarakat Islam belum menyedari memasukan pendidikan agama ke dalam sistem persekolahan sebagai satu hal yang penting. Hal ini berlaku kerana kebanyakan mereka pada mulanya tidak berminat untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah, disebabkan anak-anak diperlukan dalam mencari sumber ekonomi bagi menyara kehidupan keluarga mereka (Mail, 2007; dan Kaseh, 2014).

Sikap yang dilihat oleh kerajaan sebagai negatif kepada pembangunan Brunei telah mendorong kerajaan untuk mengambil tindakan yang tegas dengan mengeluarkan peraturan *The Attendance 1929*, yang mewajibkan kanak-kanak yang berumur di antara 7 hingga 14 tahun untuk memasuki alam persekolahan. Mana-mana ibu bapa yang engkar dengan peraturan ini akan dikenakan denda antara 50 sen hingga \$1.00 (satu Dollar Brunei) bergantung kepada berapa kali kesalahan dilakukan (SoB, 1929:20; Mail, 2007; dan Besar, 2008).

Pendidikan Islam boleh dikatakan menempuh era baru pada tahun 1931 Masihi, apabila ia mula diajarkan melalui sistem pendidikan formal sebagai satu mata pelajaran di sekolah Melayu di Pekan Brunei. Langkah ini telah dibuat oleh tiga orang pembesar Brunei, iaitu dua orang Wazir dan seorang Cheteria, yang terdiri daripada Pengiran Bendahara Abdul Rahman, Pengiran Pemancha Haji Mohd Yassin, dan Pengiran Shahbandar Hashim. Ada kemungkinan pembesar ini menyedari bahawa pendidikan agama perlu diajarkan di sekolah supaya pengajarannya lebih teratur dan berkesan kepada pelajar (Mail, 2007; dan Akhiruddin, 2015).¹³

Tambahan pula, tindakan berkenaan memang selaras dengan salah satu ceraihan daripada Undang-Undang Islam, yang dikenali sebagai *Undang-Undang Nombor 1 Tahun 1912*, yang menyatakan seperti berikut:

Tidak boleh barang siapa pun, dikecualikan dalam rumah sendiri dan kepada anak isteri dan ahli-ahli sendiri, mengajar agama Islam, melainkan

¹³Lihat juga, contohnya, temubual dengan Yang Mulia Haji Bungsu bin Jafar, berusia 78 tahun. Temubual dilakukan di rumah beliau No.164-D, Kampong Setia "B", Negara Brunei Darussalam, pada 10 Januari 2005.

ianya terlebih dahulu mendapat surat kebenaran daripada Duli Yang Maha Mulia al-Sultan. Dan barang siapa didapati mengajar agama Islam dengan tiada mendapat kebenaran, atau barang siapa yang telah mendapat kebenaran mengajar tetapi pula pengajaran yang diajarkan itu palsu atau tiada benar, bolehlah dihukum, jika didapati terang salahnya itu oleh mahkamah yang berkuasa membicarakannya, denda tiada lebih daripada dua puluh lima Ringgit (dalam Kahar, t.th.:48).

Pendidikan Islam di sekolah pada waktu itu diajarkan selepas menunaikan sembahyang fardhu Jumaat. Ia tidak termasuk dalam jadual harian pelajaran sekolah. Guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini terdiri daripada pegawai-pegawai masjid dan orang-orang yang dianggap mempunyai pengetahuan agama yang baik. Salah seorang guru agama itu ialah Awang Muhammad Yusuf bin Awang Muhammad Salleh. Beliau mengajar dengan menggunakan tulisan Jawi. Kira-kira 150 orang pelajar lelaki mengikuti pelajaran ini (*Brunei Annual Report*, 1936; Mail, 2007; dan Al-Sufri, 2008:15-16).

Ketiga-tiga pembesar tersebut di atas juga telah bermurah hati untuk membayar elaun kepada guru-guru yang terlibat dalam pelajaran agama sebanyak \$5.00 sebulan (JMB, 1979). Ini mencerminkan pendidikan agama, pada ketika itu, hanya bersifat satu mata pelajaran tambahan, kerana ia tidak dimasukkan dalam jadual harian pelajaran sekolah. Kerajaan hanya setakat menyediakan tempat dan belum menyediakan peruntukan khas kepada pendidikan agama, tidak seperti yang berlaku kepada pendidikan umum (Mail, 2007; dan Kaseh, 2014).

KESIMPULAN ¹⁴

Daripada pembicaraan di atas jelaslah bahawa sebelum kemunculan sekolah

¹⁴*Nota Campur*: Artikel ini, sebelum dikemaskini dalam bentuknya sekarang, pernah diterbitkan sebagai bagian bab dalam buku *Pensejarahan Brunei: Islam dan Evolusi Sosial* (Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2017), yang ditulis oleh pengarang pertama. Pengarang pertama merakamkan berbilang terima kasih kepada pengarang kedua, Andi Suwirta, M.Hum., seorang Pensyarah Kanan di Departemen Pendidikan Sejarah UPI (Universiti Pendidikan Indonesia) di Bandung, yang mahukan mengedit-semak semula dan mengemas kini artikel berkenaan untuk diterbitkan dalam sebuah jurnal akademik di Indonesia. Walau bagaimanapun, semua kandungan dan pentafsiran dalam artikel ini tidak ada kena-mengena dengan sesiapa pun juga, tetapi ianya kekal menjadi tanggung jawab akademik pengarang pertama dan pengarang kedua.

Melayu, selaku satu sistem pendidikan formal, pendidikan tradisional masyarakat Brunei telah didominasi oleh pendidikan Islam. Para pengkaji percaya bahawa pendidikan Islam, yang dikategorikan sebagai pendidikan bukan formal, telah wujud serentak dengan peng-Islam-an masyarakat Brunei. Pada tahap awalnya, mubaligh-mubaligh luar seperti dari Arab, Parsi, dan India dikatakan memainkan peranan sebagai guru agama yang mengajarkan pendidikan Islam kepada masyarakat di Negara Brunei Darussalam. Setelah itu, secara beransur-ansur disertai oleh ulama-ulama rantau Melayu, seperti daripada Indonesia, dan tempatan yang bergiat dalam pendidikan tersebut.

Rumah-rumah persendirian telah menjadi pusat pendidikan Islam. Bagaimanapun, apabila semakin ramai masyarakat Brunei memeluk agama Islam, rumah sebagai wadah pendidikan Islam sudah tidak mampu menampung pelajar yang semakin ramai. Dari sinilah timbul pemikiran untuk menubuhkan balai sebagai pusat pendidikan Islam yang baru. Dengan adanya balai, lebih ramai pelajar, terutama kaum lelaki, berpeluang untuk menimba ilmu-ilmu agama. Pendidikan balai di Negara Brunei Darussalam, yang dilihat telah ada pada abad ke-19, banyak berjasa dalam melahirkan ramai ulama tempatan. Mereka kemudiannya bukan saja berperanan sebagai guru agama, tetapi juga pendakwah dan pemimpin yang digalati dalam masyarakat Brunei. Ada di antara mereka yang dilantik dan disampiri gelaran oleh pihak kerajaan dan menjawat jawatan penting dalam pentadbiran Islam negara. Bagaimanapun, peranan balai telah pupus di persada kehidupan masyarakat Brunei pada tahun 1960-an. Hal ini berlaku akibat kemunculan Sekolah Agama penuh yang bermula pada tahun 1956.

Di samping rumah memainkan peranan sebagai pusat pendidikan pada awal kedatangan Islam ke Negara Brunei Darussalam, istana Sultan juga mengambil peranan yang sama. Mubaligh-mubaligh luar, seperti Sharif Ali, memang mempunyai hubungan yang mesra dengan pihak istana. Hubungan ini telah dimanfaatkan untuk menyalurkan ajaran Islam dalam kalangan kerabat Diraja Brunei. Kesan pendidikan

istana ini, maka Sultan-sultan Brunei berikutnya terus mempertahankan akidah Islam dalam pentadbiran mereka. Mereka telah mengangkat ulama-ulama sebagai Manteri Agama, Guru Agama, Penasihat, dan Pentadbir.

Sementara itu, apabila masjid dibina di Brunei, paling awal direkodkan ialah zaman Sultan Sharif Ali, maka ia juga berperanan sebagai tempat menyalurkan pendidikan Islam. Dengan itu jelaslah bahawa pendidikan tradisional masyarakat Brunei, yang didasari pendidikan Islam, telah digerakkan melalui tiga tempat, iaitu rumah-rumah persendirian, balai, dan masjid. Ia telah dipelopori selaku guru agama oleh golongan mubaligh luar, serantau, dan tempatan. Sungguhpun pendidikan Islam pada zaman tradisional ini dijalankan dalam bentuk bukan formal, tetapi ia telah menyumbang kepada penghayatan dan amalan ajaran Islam secara berkesinambungan hingga kini.¹⁵

Referensi

- Abdullah, Rashidah binte. (2013). "Citra Wanita: Satu Penelitian Kedinamikan Kepimpinan Wanita Nusantara". *Unpublished M.A. Thesis*. Singapore: NUS [National University of Singapore]. Wujud secara online juga di: <https://scholarbank.nus.edu.sg/bitstream/10635/51949/1> [diakses di Bandung, Indonesia: 20hb Mei 2018].
- Abdurrahman, Syaikh Ali. (2010). *Ekspedisi Alam Akhirat*. Jakarta: Embun Litera, Terjemahan.
- Ahmad, Awang bin. (1989). "Manuskrip Lama Brunei: Sumbangan dan Penglibatan Tokoh-tokoh Ugama Masa Lalu". *Kertas Kerja* dibentang dan dibincang dalam Seminar Antarabangsa Tamadun Islam di Alam Melayu, anjuran Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei dan Pertubuhan Persidangan Islam Pusat Penyelidikan Sejarah, Kesenian, dan Kebudayaan Islam, pada 1-5 Jun.
- Akhiruddin, K.M. (2015). "Lembaga Pendidikan Islam di Nusantara" dalam *Jurnal Tarbiya*, Vol.1, No.1, pp.195-219.
- Al-Attas, S.M. Naguib. (1984). *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*. Bangi: Penerbit UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia].

¹⁵**Kenyataan:** Kami, dengan ini, membuat kenyataan sebenar bahawa artikel ini adalah dapatan pemikiran dan kajian kami secara persendirian, ianya bukan hasil plagiat, memandangkan semua sumber rujukan yang kami petik dalam analisis dan perbincangan adalah wujud secara penuh dan betul dalam senarai Referensi. Kami juga menyatakan bahawa artikel ini belum pernah dihantar, diwasit, dan diterbitkan oleh mana-mana jurnal akademik yang lain.

- Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil. (1990). *Latar Belakang Sejarah Brunei*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah.
- Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil. (1992). *Liku-liku Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei, cetakan ke-1.
- Al-Sufri, Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Haji Awang Mohd Jamil. (2008). "Tulisan Jawi dan Perkembangannya di Brunei" dalam *Journal Darussalam*, Bil.8.
- Angas, Simat bin, Suhaili bin Haji Hassan & Haji Ismail bin Ibrahim. (1992). *Tokoh-tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-muzium Brunei.
- Azra, Azyumardi. (2005). *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. Jakarta: Kencana, cetakan kedua.
- Azra, Azyumardi. (2006). *Renaissans Islam Asia Tenggara: Sejarah Wacana dan Kekuasaan*. Bandung: Remaja Rosdakarya, cetakan ketiga.
- Bakar, Haji Moxsin bin Abu. (2008). *Perguruan Melayu dan Inggeris di Brunei, 1914-1983: Sejarah Sumbangan dan Cabaran*. Bandar Seri Begawan: Kajian Felo Jabatan Sejarah UBD [Universiti Brunei Darussalam].
- Basri, Ghazali. (2012). *Falsafah Pendidikan Islam: Huraian Konsep & Aplikasi*. Bandar Seri Begawan: Pusat Penerbitan Kolej Universiti Perguruan Ugama Brunei Darussalam.
- Besar, Haji Mail bin. (2008). "Gerakan Kristianisasi di Kalangan Masyarakat Islam: Kajian di Negara Brunei Darussalam". *Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Wujud secara online juga di: [http://studentsrepo.um.edu.my/5298/1/GERAKAN_KRISTIANISASI_DI_KALANGAN_MASYARAKAT_ISLAM_KAJIAN_DI_NBD_1\(Thesis\).pdf](http://studentsrepo.um.edu.my/5298/1/GERAKAN_KRISTIANISASI_DI_KALANGAN_MASYARAKAT_ISLAM_KAJIAN_DI_NBD_1(Thesis).pdf) [diakses di Bandung, Indonesia: 9hb Oktober 2017].
- Brown, D.E. (1970). "Brunei: The Structure and the History of Bornean Malay Sultanate" in *Monograph of the Brunei Museum Journal*, Vol.2, No.2.
- Brunei Annual Report*, 1936.
- Brunei Annual Report*, 1963.
- Cady, J.F. (1963). *South East Asia: Its Historical Development*. USA [United States of America]: McGraw Hill.
- Creswell, John W. (1998). *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing among Five Traditions*. London: SAGE Publications.
- DBP [Dewan Bahasa dan Pustaka]. (2003). *Kamus Bahasa Melayu Nusantara*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Denzin, N.K. & Y.S. Lincoln. (1994). *Hand Book of Qualitative Research*. USA [United States of America]: Sage Production, Inc.
- Ghofur, Abd. (2015). "Islam dan Politik di Brunei Darussalam: Suatu Tinjauan Sosio-Historis" dalam *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Bergama*, Vol.7, No.1 [Januari-Juni]. Wujud secara online juga di: <https://media.neliti.com/media/publications/40376-ID> [diakses di Bandung, Indonesia: 9hb Oktober 2017].
- Gordon, K. & P. Tregonning. (1957). *From Earliest Time to 1511*. London: University of London Press.
- Gulen, Fetullah. (2011). *Dakwah Jalan Terbaik dalam Berfikir dan Menyikapi Hidup*. Jakarta: PT Gramedia Press.
- Hall, D.G.E. (1979). *Sejarah Asia Tenggara*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Terjemahan.
- Hamid, Ismail. (1986). *Perkembangan Islam di Asia dan Alam Melayu*. Kuala Lumpur: Heinemann Malaysia Sdn Bhd.
- Haripa, Inov. (2018). "Pendidikan Islam di Asia Tenggara: Studi Kasus Kiprah Pondok Modern Darussalam Gontor di Asia Tenggara" dalam *Alluring Waves*. Wujud secara online juga di: <http://inovharipa.com/2018/01/09/pendidikan-islam-di-asia-tenggara/> [diakses di Bandung, Indonesia: 20hb Mei 2018].
- Hasbullah, Moeflich & M. Taufiq Rahman. (2016). "Islamisasi, Politik, dan Transformasi Pendidikan: Analisis atas Perkembangan Politik Nasional dan Manifestasinya pada Pengembangan Pesantren di Jawa Barat". *Laporan Penyelidikan Tidak Diterbitkan*. Bandung: LPPM UIN SGD [Lembaga Penelitian dan Pengabdian kepada Masyarakat, Universitas Islam Negeri Sunan Gunung Djati] Bandung. Wujud secara online juga di: <http://digilib.uinsgd.ac.id/13100/1/PDF%20ISLAMISASI> [diakses di Bandung, Indonesia: 9hb Oktober 2017].
- Hussin, Sufean. (1993). *Pendidikan di Malaysia: Sejarah, Sistem, dan Falsafah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibrahim, Abdul Latif bin Haji. (1982). "Peranan Rumah-rumah Perkumpulan dalam Masyarakat Melayu Brunei" dalam *Ikhtisar Budaya*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka. Gelaran penuh beliau ialah Dato Paduka Dr. Haji Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim.
- Ibrahim, Abdul Latif bin Haji. (2003). *Brunei Darussalam: Rantisan Sejarah dan Budaya*. Bandar Seri Begawan: Penerbit APB UBD [Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam]. Gelaran penuh beliau ialah Dato Paduka Dr. Haji Awang Abdul Latif bin Haji Ibrahim.
- Ibrahim, Pehin Haji Awang Yahya bin Haji. (2000). *Sejarah dan Peranan Institusi-institusi Melayu Islam Beraja*. Bandar Seri Begawan: Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei.
- JMB [Jabatan Muzium Brunei]. (1979). *Risalah Pameran Sejarah Perkembangan Islam di Brunei*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium-muzium Brunei.
- Juned, Pehin Tuan Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin. (1992). *Islam di Brunei: Zaman Pemerintahan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Haji Hassanah Bolkiah*, Jilid I. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei.
- Kadir, Nor Adina Binti Abdul. (2010). "Madrasah Idrisiah Bukit Chandan, Kuala Kangsar, Perak: Sejarah dan Sumbangannya terhadap Pendidikan Islam dari Tahun 1985-1999". *Disertasi Sarjana Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. Wujud secara online juga di: <https://core.ac.uk/download/pdf/45428859.pdf> [diakses di Bandung, Indonesia: 9hb Oktober 2017].
- Kahar, Abdul Saman bin. (t.th.). "Pelajaran Agama di

- Sekolah-sekolah” dalam *Siri Pembangunan*, Bil.2. Gelaran penuh beliau ialah Dato Paduka Ustaz Haji Abdul Saman bin Kahar.
- Kaseh, Noor Hira Binti Haji Noor. (2014). “Perundangan Islam di Negara Brunei Darussalam: Sejarah dan Perkembangannya” dalam Andi Ali Amiruddin et al. [eds]. *Proceedings International Conference on Islam and Muslim Societies: Towards a Better Future*. Makassar: UIN Alauddin in Cooperation with JICSA. Wujud secara online juga di: <http://repositori.uin-alauddin.ac.id/3717/1/Prosiding%20JICSA.pdf> [diakses di Bandung, Indonesia: 20hb Mei 2018].
- Khatibah. (2011). “Penelitian Kepustakaan” dalam *Jurnal Iqra'*, Vol.05, No.01 [Mei]. Wujud secara online juga di: [http://repository.uinsu.ac.id/640/1/\(5\)PENELITIAN%20KEPUSTAKAAN.pdf](http://repository.uinsu.ac.id/640/1/(5)PENELITIAN%20KEPUSTAKAAN.pdf) [diakses di Bandung, Indonesia: 10hb November 2017].
- KHEU [Kementerian Hal Ehwal Ugama] Brunei. (1996). *Pendidikan Agama di Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei.
- Latif, Faizuri bin Abd. (2006). “Sumbangan Tuan Guru Haji Omar Ahmad dalam Bidang Keilmuan di Terengganu” dalam *Jurnal Usuluddin*, Bilangan 23-24, ms.217-238.
- Leake, David. (1990). *Brunei: The Modern Southeast Asian of Islamic Sultanate*. Kuala Lumpur: Forum.
- Mail, Haji Awang Asbol bin Haji. (2006). *Sejarah Perkembangan Pendidikan di Brunei, 1950-1985*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei dan Kementerian Kebudayaan, Belia, dan Sukan.
- Mail, Haji Awg Asbol bin Haji. (2007). “Pendidikan Agama Islam Brunei Darussalam Pra-Merdeka: Pengalaman, Transformasi, dan Cabaran” dalam *Beriga*, Bil.96 [Julai – September], ms.3-24. Wujud secara online juga di: <https://www.researchgate.net/publication/313313610> [diakses di Bandung, Indonesia: 2hb Mac 2018].
- Majul, Cesar Adib. (1990). “Berbagai Masalah dalam Pelaksanaan Syari’at” dalam Ahmad Ibrahim, Sharon Siddique & Yasmin Hussain [eds]. *Islam di Asia Tenggara*. Jakarta: Penerbit LP3ES.
- Maxwell, Sir W.G. & W.S. Gibson. (1924). *Treaties and Engagements Affecting the Malay States and Borneo*. London: Je Truscott.
- Metal, Hajah Jariah binti Haji. (1988). “Dato Haji Ahmad” dalam *Pusaka*, Bilangan 1.
- Mochtar, Affandi. (2010). *Kitab Kuning dan Tradisi Akademik Pondok Pesantren*. Bekasi: Pustaka Isfahan.
- Mohamad, Abdul Kadir bin. (2018). “Kebitaran Falsafah Melayu Islam Beraja dalam Mencorak Kemajuan Pendidikan Islam di Negara Brunei Darussalam: Peranan Kerjasama Sultan & Ulama”. Wujud secara online juga di: <http://ukmsyariah.org/terbitan/wp-content/uploads/2018/04/01-abdul-kadir.pdf> [diakses di Bandung, Indonesia: 20hb Mei 2018].
- Mupiza, Bintar. (2017). “Persamaan Corak Pendidikan Islam di Indonesia, Malaysia, Thailand Selatan, Brunei Darussalam, dan Kamboja” dalam *SAINFORM: Berbagi Segala Informasi*. Wujud dalam online juga di: <http://sainform.blogspot.com/2017/01/persamaan-corak-pendidikan-islam-di.html> [diakses di Bandung, Indonesia: 20hb Mei 2018].
- Othman, Mahmud Saedon. (1996). *Perlaksanaan dan Pentadbiran Undang-Undang Islam di Negara Brunei Darussalam: Satu Tinjauan*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Othman, Mahmud Saedon bin Awang. (2003). *Jejak-jejak: Kumpulan Kertas Kerja*. Bandar Seri Begawan: Penerbit APB UBD [Akademi Pengajian Brunei, Universiti Brunei Darussalam].
- Rahman, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul. (1992). *Islam di Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.
- Rahman, Pengiran Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul. (2001). “Perkembangan Ilmu Islam di Brunei: Peralihan dari Sistem Balai ke Sistem Persekolahan Moden, 1931-1956”. *Makalah* dibentang dan dibincang dalam Seminar Bahan Rujukan Islam Nusantara, anjuran Jabatan Mufti di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 20-23 Ogos.
- Rahman, Haji Abdul Karim bin Haji Abdul. (2016). “Sejarah Pengasasan dan Asal-Usul Kerajaan Brunei Berdasarkan Sumber Lisan”. *Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan*. Kuala Lumpur: Fakulti Sastera Dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Wujud secara online juga di: http://studentsrepo.um.edu.my/6454/1/HAJI_ABDUL_KARIM_BIN_HAJI_ABDUL_RAHMAN.pdf [diakses di Bandung, Indonesia: 9hb Oktober 2017].
- Rahmawati. (2014). “Islam di Asia Tenggara” dalam *Jurnal Rihlah*, Vol.II, No.1.
- Ricklefs, M.C. (1991). *Sejarah Indonesia Modern*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press, Terjemahan.
- Robin, Juwita Kumala Anak & Arnold Puyok. (2016). “Penglibatan Politik Komuniti Peribumi Islam di Labuan Semasa Zaman Penjajahan British, 1946-1963” dalam *JBK: Journal of Borneo-Kalimantan*, Volume 3, Issue 2 [Desember]. Wujud secara online juga di: <http://www.borneo.unimas.my/images/jbk2016/jbk2.2/manuscript-no.3.pdf> [diakses di Bandung, Indonesia: 20hb Mei 2018].
- Sabiq, Sayyid. (2006). *Aqidah Islamiyah*. Jakarta: Robbani Press, Terjemahan.
- Saifullah, S.A. (2008). “Umat Islam di Filipina Selatan: Sejarah, Perjuangan, dan Rekonsiliasi” dalam *ISLAMICA*, Vol.3, No.1 [September], hlm.54-75.
- Serudin, Mohd Zain bin Haji. (1981). “Pandangan Islam mengenai Pendidikan”. *Kertas Kerja* dibentang dan dibincang dalam Seminar Pendidikan, anjuran Persatuan Guru-guru Melayu Brunei, pada 30 Oktober – 1 November 1981, ms.22. Gelaran penuh beliau ialah Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Agama Brunei.
- Shaghir, Haji Wan Mohd. (2007). “Syarif Ali: Penyebar Islam dan Sultan Brunei” dalam *Utusan Online*. Kuala Lumpur: 12 Mac. Wujud secara online juga di: http://www1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0312&pub=Utusan_Malaysia [diakses di Bandung, Indonesia: 9hb Oktober 2017].
- Siddiqi, Sharon. (2005). “Brunei Darussalam: Sebuah Bangsa Religius yang Potensial” dalam Muflich Hasbullah [ed]. *Asia Tenggara: Konsentrasi Baru Kebangkitan Islam*. Bandung: Fokusmedia, cetakan kedua.

- Sjamsuddin, Helius. (2007). *Metodologi Sejarah*. Yogyakarta: Penerbit Ombak.
- SoB [State of Brunei]. (1914). *Annual Report 1914*. Bandar Brunei: State of Brunei.
- SoB [State of Brunei]. (1929). *Annual Report 1929*. Bandar Brunei: State of Brunei.
- Suwirta, Andi. (2003). *Tasawuf dan Proses Islamisasi di Indonesia*. Bandung: Historia Utama Press.
- Tarling, N. (1966). *South East Asia: Past and Present*. Melbourne: F.W. Cheshire.
- Temubual dengan Haji Kassim bin Serudin, berumur 82 tahun. Temubual diadakan di rumah beliau di Kampong Setia "B", salah sebuah Kampong Ayer di Brunei Darussalam, pada 25 Mei 1988.
- Temubual Mohd Jamil bin Haji Abas dengan Yang Dimuliakan Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof. Temubual diadakan di Masjid Omar Ali Saituddin, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 5 Februari 1991.
- Temubual dengan Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, berusia 73 tahun. Temubual diadakan di Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 14 September 1993.
- Temubual dengan Yang Dimuliakan Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal. Temubual diadakan di Kementerian Hal Ehwal Ugama Brunei di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 8 September 1993.
- Temubual dengan Yang Mulia Dato Seri Setia Ustaz Haji Mohd Amin bin Pehin Dato Pekerma Dewa Dato Paduka Haji Abdul Rahim, berusia, 70 tahun. Temubual diadakan di Pusat Dakwah Islamiah Brunei di Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, pada 6-7 Oktober 1993.
- Temubual dengan Yang Mulia Dayang Hajah Ismah binti Pehin Khatib Dato Paduka Haji Mohd Said, berusia 58 tahun. Temubual diadakan di No.83 Simpang 625, Kampong Madewa, BF 1120, Km 7, Jalan Tutong, Negara Brunei Darussalam, pada 24 Mei 1993.
- Temubual dengan Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Seri Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim. Temubual dilakukan di rumah beliau, No.164-D, Kampong Setia "B", Negara Brunei Darussalam, pada 10 Januari 2005.
- Temubual dengan Yang Mulia Haji Bungsu bin Jafar, berusia 78 tahun. Temubual dilakukan di rumah beliau No.164-D, Kampong Setia "B", Negara Brunei Darussalam, pada 10 Januari 2005.
- Temubual dengan Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Haji Mohd Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim, berusia 89 tahun. Temubual diadakan di rumah beliau di Kampong Sengkarai, Tutong, Negara Brunei Darussalam, pada 12 Julai 2012.
- Tregonning, K.G.P. (1957). *From Earliest Time to 1511*. London: University of London Press.
- Umar, Mohd Jamil Haji. (1990). *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah Brunei.
- Wahid, Abdurrahman. (2006). *Islamku, Islam Anda, dan Islam Kita: Agama, Masyarakat, dan Negara Demokrasi*. Jakarta: The Wahid Institute.
- Yahya, Masuriyati & Che Zarrina Sa'ari. (2015). "Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 Brunei Darussalam dalam Melestarikan Ketamadunan Islam Negara Zikir: Cabaran dan Harapan" dalam *Afkar*, Volume 16 [Januari-Jun], ms.61-92.
- Yulizal, Yunus. (2009). *Peranan Raja-raja Brunei dalam Pengembangan Islam dan Dukungan Ulama serta Raja-raja Kerajaan Islam di Minangkabau, Sulawesi, dan Aceh di Indonesia*. Bandar Seri Begawan: Penerbit KUPU.
- Yunus, Yulizal. (2012). "Pendidikan Islam di Brunei Darussalam". Wujud secara online di: <https://ramayulis.wordpress.com/2012/11/30/pendidikan-islam-di-brunei-darussalam/> [diakses di Bandung, Indonesia: 9hb Oktober 2017].
- Yusuf, M. Jamil. (2017). "Metode Iqra': Kajian Inovasi Pembelajaran Al-Qur'an" dalam *Jurnal Edukasi: Jurnal Bimbingan Konseling*, Vol.3, No.2 [Juli].
- Zain, Noorzahidah Mohd et al. (2014). "Masjid Besi, Putrajaya: Rekabentuk dan Hubungannya dengan Senibina Islam" dalam *Zulhilmi Paidi et al. [eds]. Conference Proceedings on Asian History, Historiography, and Heritage*. Sintok, Kedah: UUM [Universiti Utara Malaysia] Press. Wujud secara online juga di: https://umexpert.um.edu.my/file/publication/00009468_115509.pdf [diakses di Bandung, Indonesia: 2hb Mac 2018].
- Zakkiyunnuha, M. (2014). *Pintu-pintu Akhirat*. Yogyakarta: Nusa Media.
- Zarkasyi, Amal Fathullah. (1998). *Pondok Pesantren sebagai Lembaga Pendidikan dan Dakwah*. Jakarta: Gema Insani Press.
- Zed, Mestika. (2008). *Metode Penelitian Kepustakaan*. Jakarta: Yayasan Obor Indonesia.



Pendidikan Ugama Islam di Brunei Darussalam
(Sumber: <http://suripaskgsaba.blogspot.com>, 20/5/2018)

Apabila masjid dibina di Brunei, maka ia juga berperanan sebagai tempat menyalurkan pendidikan Islam. Dengan itu jelaslah bahawa pendidikan tradisional masyarakat Brunei yang didasari pendidikan Islam telah digerakkan melalui tiga tempat, iaitu rumah-rumah persendirian, balai, dan masjid. Ia telah dipelopori selaku guru agama oleh golongan mubaligh luar, serantau, dan tempatan. Sungguhpun pendidikan Islam pada zaman tradisional ini dijalankan dalam bentuk bukan formal, tetapi ia telah menyumbang kepada penghayatan dan amalan ajaran Islam secara berkesinambungan hingga kini.